

Khamis, 16 Januari 2020 | 1:07pm



Seah Chiew Yee, 31, (tengah) diiringi anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNHEP) selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menjual barangan berjenama tiruan di Mahkamah Sesyen, Ayer Keroh. - FotoKhairunisah Lokman

Jual jenama tiruan, penyelia premis didenda RM25,000

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan
fhatihah@bh.com.my

AYER KEROH: Seorang penyelia wanita didenda RM25,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, kerana menjual 777 unit barangan berjenama tiruan bernilai lebih RM300,000 di sebuah premis di pusat beli-belah di Banda Hilir, Selasa lalu.

Tertuduh, Seah Chiew Yee, 31, membuat pengakuan itu selepas jurubahasa membacakan pertuduhan di hadapan Hakim Norma Ismail.

Mengikut pertuduhan, wanita terbabit mempunyai dalam kawalan bagi maksud perdagangan membabitkan 615 unit kemeja-T, seluar pendek (5), jeans (44), kemeja (26), baju sejuk (34), tali pinggang (12), sarung kaki (10) dan beg kertas (31) berjenama Versace, perihal cap dagangan didaftarkan dengan salah.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah premis di pusat beli-belah pada jam 12.25 tengah hari, 14 Januari lalu.

Kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 100 Akta Cap Dagangan 2019 dan sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barangan dipakai dengan salah cap dagangan berdaftar atau maksimum penjara tiga tahun atau kedua-duanya, bagi bukan suatu pertubuhan perbadanan, manakala RM20,000 bagi setiap barangan atau maksimum lima tahun penjara jika sabit kesalahan kali kedua.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNHEP), Mohammed Heikal Ismail serta pegawai pendakwa kementerian sama, Sallim Wahid.

Peguam Melvin Tay yang mewakili tertuduh merayu hukuman denda dikenakan atas alasan wanita yang juga ibu tunggal itu menanggung anak perempuan berusia 12 tahun dan ibunya.

Norma kemudian mengenakan denda RM25,000 kepada wanita terbabit dan enam bulan penjara jika gagal membayarnya.

